

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI
SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR
BAHARU]**

TARIKH : **23 MEI 2016 (ISNIN)**

SOALAN : **133**

YB Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penerima bantuan Program Bantuan Pembeli Rumah PR1MA yang melalui tiga komponen utamanya iaitu, "pinjaman akhir", "menyewa untuk memiliki" (RTO) dan "PR1MA Care" serta berapakah jumlah penerima yang akan menerima bantuan ini untuk tahun ini dan keberkesanan program ini kepada golongan belia.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat enam (6) panel institusi kewangan yang telah bersetuju untuk bekerjasama dengan PR1MA dan menawarkan kemudahan pinjaman kepada bakal pembeli rumah PR1MA yang layak. Institusi-institusi kewangan tersebut termasuklah Maybank Berhad, RHB Bank Berhad, Malaysia Building Society Berhad (MBSB), Bank Rakyat, Bank Islam dan Bank Simpanan Nasional (BSN).

Pinjaman yang ditawarkan oleh panel institusi kewangan PR1MA ini adalah antara 95% sehingga 110% dari Perjanjian Jual Beli (SPA) kepada mereka yang layak. Melalui kemudahan ini, para pembeli yang layak tidak lagi terbeban untuk menyediakan bayaran-bayaran awalan seperti wang pendahuluan, yuran khidmat guaman, duti setem dan sebagainya. Semua pembeli rumah PR1MA perlu memohon secara terus kepada panel institusi kewangan PR1MA dan akan dinilai secara sewajarnya.

Sekiranya pembeli rumah PR1MA gagal mendapatkan pinjaman perumahan atas sebab-sebab tertentu, pembeli mempunyai pilihan untuk memohon bagi mendapatkan skim sewa milik yang dinamakan Skim Rent-to-Own (RTO).

Selain pakej kewangan, PR1MA juga turut mengambil kira kesejahteraan pemilik kediamannya dengan menawarkan faedah perlindungan melalui PR1MA Care. Melalui program ini, pemilik kediaman PR1MA akan menikmati kadar premium insurans lebih menarik dan lebih rendah dari pasaran.

Pemilik kediaman PR1MA juga akan menikmati perlindungan tambahan melalui Perlindungan Kewangan Untuk Pinjaman Perumahan/ Pembiayaan Rumah (MRTT / MRTA). Perlindungan tambahan tersebut termasuklah kemalangan peribadi dan kos pengebumian. Insurans kebakaran dan Takaful Motor juga boleh diperolehi pada kadar yang menarik. Bagi produk-produk insurans kenderaan, pembeli layak

menerima kad keistimewaan PR1MA Care yang menawarkan pelbagai tawaran yang menarik kepada pelanggannya.

Pemilik kediaman PR1MA yang berjaya dan memilih Skim RTO turut mendapat perlindungan Komprehensif Takaful. Sekiranya berlaku kejadian yang tidak dijangka sehingga mengakibatkan kematian atau hilang keupayaan kekal, penyewa di bawah Skim RTO boleh terus menetap di kediaman PR1MA tanpa bayaran sewa sehingga tempoh setahun.

PR1MA juga menyediakan khidmat pembiayaan kos pengebumian bagi penyewa RTO dan untuk pemilik beragama Islam termasuklah pembiayaan menunaikan Badal Haji.

Sekian. Terima kasih.